



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

17 FEBRUARI 2021

1. Daging perap guna logo halal tak sah disita
2. Daging khinzir berasas tumbuhan perlu ijtihat jelas ulama
3. Produk kambing perap guna logo halal tidak sah disita
4. Warga emas guna duit gaji beri kucing jalanan makan
5. Sita daging “cop halal”

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

Daging perap guna logo halal tak sah disita

Kota Bharu: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) cawangan Tanah Merah melakukan serbuan di sebuah premis menjual daging perap di Jalan Kelewek, di sini, semalam, kerana menggunakan logo halal tanpa kelulusan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Serbuan dilakukan bersama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEIK) pada jam 11 pagi itu turut menyita semua produk makanan, plastik pembungkusan dan banting yang mempunyai logo halal JAKIM membabitkan nilai lebih RM1,000.

Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP Daerah Tanah



Pegawai KPDNHEP Tanah Merah dan JAHEIK menyita sebuah premis di Jalan Kelewek, Kota Bharu, semalam.

(Foto ihsan KPDNHEP)

Merah, Ahmad Azizi Abdul Karim berkata serbuan dilakukan hasil maklumat awam yang meragui penggunaan logo halal tanpa kelulusan itu.

"Hasil pemeriksaan mendapat premis ini menggunakan logo halal JAKIM pada bungkus daging kambing perap bagi produk keluaran mereka

yang tidak diperakui halal oleh badan berwibawa iaitu JAKIM.

"Premis berkenaan menjual barang runcit termasuk daging perap yang dibuat sendiri.

"Tindakan diambil kerana ia bertentangan dengan Perenggan 4(1)(a) Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011, Akta Perihal Dagangan 2011 yang menjadi suatu kesalahan di bawah Perenggan 8(b) Perintah sama.

"Jika sabit kesalahan, individu boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya dan bagi kesalahan kedua denda RM250,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya," katanya dalam kenyataan media, semalam.

Daging khinzir berasas tumbuhan perlu ijtihad jelas ulama

Pada awal tahun lalu, sebuah syarikat di Amerika Syarikat (AS), iaitu Impossible Meat, melancarkan produk daging burger khinzir yang dihasilkan daripada sumber tumbuhan.

Ia gabungan beberapa sumber protein tumbuhan seperti kacang soya, kacang kuda, kacang pea, beras dan lain-lain. Selain perasa tambahan lain yang bukan daripada sumber haiwan turut digunakan bagi memberikan rasa, warna, tekstur dan bau menyerupai daging burger khinzir sebenar.

Impossible Meat mendakwa mendapat persijilan halal daripada IFANCA, sebuah badan persijilan halal di AS. Namun, IFANCA menyatakan sijil halal hanya diberi kepada produk tidak termasuk produk daging khinzir yang berdasarkan tumbuhan ini.

Selain daging burger khinzir, produk daging burger ayam atau lembu berdasarkan tumbuhan turut dihasilkan. Rasa dan tekstur menyerupai daging sebenar hasil perkembangan sains dan teknologi, khususnya dalam bidang penghasilan produk makanan.

Secara umum, Islam membenarkan Muslim memakan semua jenis tumbuhan melainkan ia boleh membawa mudarat berdasarkan kaedah *al-asl fi al-ashya 'al-ibahah* yang bermaksud 'hukum asal sesuatu adalah harus' melainkan ada dalli menjadikannya haram seperti kewujudan mudarat kepada manusia.

Oleh itu, majoriti fatwa mengharuskan makakanan ubah suai genetik dengan meletakkan svarat ia tidak mendatangkan mudarat kepada manusia. Namun, hukum ini boleh berubah dengan kewujudan mudarat padanya.

Berbalik daging burger khinzir atau

daging lain yang menggunakan sumber tumbuhan sahaja sebagai bahan penghasilannya, berkemungkinan besar tidak timbul isu atau perbincangan mengenai sembelihan kerana ia menggunakan bahan berasaskan tumbuhan 100 peratus.

Kedua ini berbeza dengan penghasilan daging kultur kerana ia masih berasarkan sel haiwan dan menuntut sembelihan haiwan sebelum sel tunggang diekstrak dan dikulturkan dalam medium sesuai.

Persoalan mungkin dibangkitkan jika ia mahu dipasarkan di negara Islam menggunakan nama 'daging burger khinzir halal'. Adakah ia boleh digunakan walaupun pengeluar 'daging' ini mendakwa semua bahan digunakan bermula dari roti, sos dan 'daging' berpasukan 100 peratus tumbuhan?

Dalam Islam, terdapat satu kaedah fiqh menyebutkan *al-'ibrab bi al-mu-samma'*, *la bi al-asma'*, iaitu sesuatu hukum bergantung kepada produk, bukan nama.

Justeru, jika nama burger daging khinzir digunakan kerana ia mempunyai rasa dan tekstur seperti burger daging khinzir, tetapi bahan digunakan

Aplikasi kaedah *sadd al-dharai'*, iaitu untuk menutup jalan yang boleh membawa kepada mafsaadah dan kerosakan lebih besar juga mungkin bersesuaian dalam menilai isu burger daging khinzir berdasarkan tumbuhan ini.

adalah berasaskan tumbuhan, maka ia mungkin halal berdasarkan kaedah flaq itu.

Namun, perlu diingat, penggunaan nama juga ponting dalam membentuk persepsi sosial masyarakat, khususnya dalam kalangan masyarakat Muslim. Sebab itu Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) tidak mengeluarkan sijil halal kepada pengeluar arak atau bir yang tiada alkohol, walaupun ia mungkin diproses dengan cara betul dan halal dari awal lagi.

La penting bagi memastikan persepsi masyarakat Muslim ratahialah halal. Begitu juga dengan nama *hotdog* dan rut yang ditukar kepada *sossej*, *frankfurter* dan *sarsparilla*.

Proses persijilan halal bukan semata-mata bergantung bahan digunakan, sebaliknya banyak lagi syarat lain produku dipenuhi, termasuk nama produku.

Penukaran nama ini mungkin dilakukan berdasarkan pertimbangan antara maslahah dengan mafsaadah dan mendahulukan maslahah ammah (kepentingan umum) berbanding maslahah khassah (kepentingan peribadi).

Aplikasi maslahah ini biasanya mempertimbangkan kepentingan umum bagi mengekalkan ketenteraman awam dan kestabilan masyarakat Muslim.

Sebagai contoh, Saidina Umar al-Khattab RA pernah meminta Nasr al-Hajjar untuk mencukur rambutnya kerana ketampanan beliau yang menyebabkan wanita di Madinah menggilainya. Selepas beliau mencukur rambut, ketampanan beliau semakin terselar yang akhirnya menyebabkan Saidina Umar RA meminta beliau berpindah ke Basrah.

Perpindahan ke Basrah dapat mengekalkan kestabilan emosi wanita di Madinah ketika itu. Maslahah ammah (kestabilan emosi wanita Madinah) mung-

kin diaduhukan berbanding maslahah khassah (kepentingan peribadi) Nasr al-Hajjar.

Aplikasi kaedah *sadd al-dharai'*, iaitu untuk menutup jalan yang boleh membawa kepada mafsaadah dan kerosakan lebih besar juga mungkin bersesuaian dalam menilai isu burger daging khinzir berdasarkan tumbuhan ini.

Kedua-dua kaedah syarak ini digunakan bagi memastikan masyarakat Muslim faham dan sedar bahawa daging khinzir adalah haram dimakan.

Isu seterusnya mungkin timbul adalih jika syarikat menghasilkan burger daging khinzir berdasarkan tumbuhan ini bersertu memakar nama mereka kepada burger daging sahaja, tetapi rasa, warna, tekstur dan bau adalah sama dengan burger khinzir sebenar.

Adakah produk ini akan menjadi halal? Jika ia halal, adakah mereka akan diberikan persijilan halal oleh manajemen badan persijilan halal di dunia Islam atau Eropah?

Jika ia haram kerana mempunyai rasa dan tekstur seperti daging burger khinzir, siapakah yang akan mengesahkan kesamaan rasa dan tekstur ini? Penilaian terhadap rasa dan tekstur berbeza mengikut manusia.

Persoalan ini sangat mencabar dan memerlukan ijtihad fiqh kontemporer + yang tuntas daripada ulama, sama ada pada peringkat Malaysia secara khusus atau dunia secara umum.

Perkembangan sains dan teknologi sangat pesat dan ulama Islam perlu berusaha menambah kefahaman mengenai perkembangan sains dan teknologi secara umum bagi memastikan kepusatan fatwa dan resolusi hukum diberikan meneuti keadaan sebenar, tanpa menafikan keleluhan dan kefahaman ulama terhadap sumber hukum.

Ulama menyebutkan, *al-hukum 'ala shai' far'* atau *tasawwurithi* bermaksud hukum sesuatu perkara adalah sebagaimana daripada gambaran terhadap perkara itu.

Justeru, kefahaman betul atau salah terhadap sesuatu produk atau prosedur ketika proses ijtihad akan memberi kesan kepada kebetulan fatwa dan resolusi hukum dituparkan kelak.

Peningkatan populasi dunia, masalah kesihatan dan pencemaran alam sekitar membawa kepada penciptaan produk daging alternatif.

Ringkasnya, pengguna Muslim dan pihak berkusa agama perlu mula membincangkan ini supaya selari perkembangan industri makanan dan minuman dunia.

Produk ini sudah berada dalam pasaran negara jiran kita di Singapura dan tidak mustahil akan memasuki pasaran Malaysia dan negara Islam lain dalam masa terdekat.

Justeru, fatwa dan resolusi hukum daripada badan fatwa rasmi perlu untuk menyelesaikan persoalan ini.

Penulis adalah Pensyarah Kanan Akademi Tarawid Islam, Universiti Teknologi Malaysia (UTM)



Produk kambing perap guna logo halal tidak sah disita



PEGAWAI KPDNHEP menyita gegantung dan produk kambing perap di Kuala Krai yang menggunakan logo halal tanpa kelulusan Jakim.

TANAH MERAH – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kelantan bertindak menyita sebuah premis menjual daging kambing perap yang menggunakan logo halal tanpa kelulusan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP Kuala Krai, Ahmad Azizi Abdul Kadir berkata, bertindak atas maklumat orang awam yang meragui penggunaan logo halal itu pihaknya melakukan serbuhan di premis tersebut.

Katanya, susulan daripada itu, tiga pegawai KPDNHEP cawangan Tanah Merah telah

menjalankan operasi di premis itu bersama beberapa pegawai Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (Jaheik).

"Pemeriksaan mendapati premis itu menggunakan logo halal yang tidak diperakui Jakim pada bungkusan daging kambing perap produk keluaran mereka.

"Semua produk makanan, plastik pembungkusan dan gegantung mengenai produk itu mempunyai logo halal Jakim itu telah disita," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Katanya, jumlah sitaan dari premis tersebut adalah bernilai RM1,015.20.

"Tindakan sitaan ini diambil

selepas mendapati premis itu melakukan kesalahan mengikut Perenggan 4 (1) (a) Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011, Akta Perihal Dagangan 2011 yang menjadi suatu kesalahan di bawah Perenggan 8 (b) Perintah yang sama.

Menurut Ahmad Azizi, pemilik premis itu juga boleh didenda maksimum RM100,000 atau penjara maksimum tiga tahun atau kedua-duanya sekali, manakala bagi kesalahan kedua pula pesalah boleh didenda maksimum RM250,000 atau penjara maksimum lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Warga emas guna duit gaji beri kucing jalanan makan

SEREMBAN - Seorang pekerja pembersihan sebuah hotel dekat sini sanggup menghabiskan wang gajinya semata-mata untuk membeli makanan kepada kucing dan anjing jalanan di sekitar bandar ini.

Zuraidah Haris, 60, yang juga seorang ibu tunggal berkata, dia membelanjakan sebanyak RM20 sehari membeli tiga kilogram makanan kucing bagi memastikan haiwan berkenaan tidak kelaparan.

Wanita warga emas itu juga hanya berkayuh basikal menuju ke beberapa lokasi dengan membawa makanan kucing untuk diberi kepada haiwan-haiwan tersebut.

tersebut.

"Saya memang menyukai kucing dan kini telah ada 18 ekor di rumah. Setiap pagi, sebelum masuk kerja, saya akan pastikan haiwan ini diberi makan manakala bila pulang, saya akan singgah di mana-mana lokasi bagi tujuan sama," katanya di sini semalam.

Zuraidah yang mempunyai seorang anak dan kini hanya menyewa bilik di sebuah rumah di Jalan Quek Kai Dong dekat sini sejak 10 tahun lalu, memberitahu, ramai yang menganggap tindakannya memberi kucing dan anjing jalanan tersebut sebagai sesuatu yang membazir.

"Saya anggap ini rezeki saya

untuk haiwan-haiwan ini, walaupun ramai yang mengecam namun saya hanya fikirkan rasa kasihan dengan kucing dan anjing ini jika tiada makanan.

"Macam kita sebagai manusia juga, kalau tiada makanan mesti kelaparan dan sakit, begitulah saya rasa apabila memberi makanan kepada haiwan-haiwan ini," katanya yang memperoleh gaji sebanyak RM1,100 sebulan.

Bagaimanapun katanya, masih ramai lagi pihak yang menyokong usaha murni itu dengan turut sama menyumbangkan wang selain turut sama memberikan makanan untuk kucing dan anjing berkenaan.



ZURAIDAH memberi makanan kepada kucing-kucing jalanan yang terbarat di beberapa lokasi di bandar Seremban.

Sita daging ‘cop halal’

KPDNHEP, JAHEAIK serbu premis guna logo tanpa kelulusan

Oleh Nor Fazlina
Abdul Rahim
nfazlina@NSTP.COM.MY

Kota Bharu

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menyerbu sebuah premis menjual daging kambing perap di Jalan Kelewek, Tanah Merah yang didakwa menggunakan logo halal tanpa kelulusan.

Serbuan yang dilakukan bersama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK) pada jam 11 pagi semalam turut menyita semua produk makanan, plastik pembungkusan dan gegantung yang mempunyai logo halal Jakim membabitkan nilai lebih RM1,000.

Ketua Pegawai Penguat kuasa KPDNHEP Daerah Tanah Merah, Ahmad Azizi Abdul Kadir berkata, serbuan itu dilakukan hasil maklumat awam yang meragui



penggunaan logo halal pada produk jualan di premis berkenaan.

“Hasil pemeriksaan mendapati premis ini menggunakan logo halal Jakim (Ja-

batan Kemajuan Islam Malaysia) pada bungkusan daging kambing perap keluaran mereka yang tidak diperakui halal oleh badan berwibawa iaitu Jakim.

“Premis berkenaan menjual barang runcit termasuk daging perap yang dibuat sendiri.

“Tindakan diambil kerana bertentangan dengan Perenggan 4(i)(a) Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011, Akta Perihal Dagangan 2011 yang menjadi suatu kesalahan di bawah Perenggan 8(b) Perintah yang sama,” katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau berkata, sabit kesalahan, pesalah boleh denda tidak melebihi RM100,00 atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya sekali dan bagi kesalahan kedua, denda RM250,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.